

PEMBERITAHUAN

UJIAN KOD MORSE KEDUA TAHUN 2012

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) akan menganjurkan Ujian Kod Morse (CW) kedua bagi tahun 2012 bagi memenuhi kehendak Peraturan 26(2), Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Standard Teknik) 2000, pada tarikh dan waktu seperti berikut:

| No. Siri Ujian | Tarikh dan Masa Ujian | Tarikh Tutup Permohonan | Pusat Peperiksaan |
|----------------|-----------------------------------|-------------------------|--|
| CW 2012-2 | 23 Oktober 2012 Jam 10:00 pagi | 21 September 2012 | SKMM, Cyberjaya dan Kota Kinabalu, Sabah |

Kelayakan bagi menduduki ujian tersebut adalah seperti berikut:

1. Berumur 18 tahun ke atas pada hari ujian dilangsungkan; dan
2. Memiliki Penguntukan Radas Stesen Amatir Kelas B (9W) yang sah untuk tempoh sekurang-kurangnya satu tahun pada tarikh ujian dilangsungkan.

Individu yang berkelayakan adalah dipelawa untuk mendudukinya. Permohonan boleh dibuat sama ada melalui perkhidmatan atas talian (online) atau secara manual dengan menggunakan borang permohonan bercetak. Permohonan secara atas talian boleh dibuat di laman sesawang rasmi SKMM di www.skmm.gov.my atau terus ke URL <http://sems.skmm.gov.my>. Borang bagi permohonan secara manual boleh diperolehi dari laman sesawang rasmi SKMM atau mana-mana pejabat SKMM.

Untuk permohonan secara manual, sila hantarkan borang permohonan yang telah lengkap diisi berserta bayarannya, satu salinan dokumen Pengenalan diri pemohon (Kad Pengenalan, Kad Kuasa atau Passport) dan satu salinan Penguntukan Radas Stesen Amaturnya kepada alamat di bawah:

Bahagian Pembangunan Prasarana dan Piawaian

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Off Persiaran Multimedia
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan

Sila tuliskan perkataan '**CW 2012-2**' di sudut atas sebelah kiri sampul surat. Yuran ujian adalah sebanyak **Ringgit Malaysia Lima Puluh sahaja (RM 50.00)** dan perlu dijelaskan melalui **Wang Pos Malaysia** atau **Deraf Bank** atas nama '**SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA**' dan mestilah dikepilkkan bersama borang permohonan. Permohonan yang disertakan dengan kaedah-kaedah pembayaran yang lain akan ditolak.

Jumlah calon bagi ujian ini adalah terhad. Keputusan permohonan akan dimaklumkan melalui laman sesawang rasmi SKMM dan melalui pos selewat-lewatnya 7 hari sebelum ujian dilangsungkan. Sila hubungi **Puan Ida Khairuniah Idris (+603 86 88 82 65)** untuk sebarang pertanyaan yang berkaitan.

NOTICE

SECOND MORSE CODE TEST FOR 2012

The Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) will be holding the second Morse Code Test for the 2012, pursuant to Regulation 26(2) of the Communications and Multimedia (Technical Standards) Regulations 2000 as follow:

| Test Series No. | Test Date & Time | Application Closing Date | Venue |
|-----------------|----------------------------------|--------------------------|---|
| CW 2012-2 | 23 October 2012 at 10:00 a.m. | 21 September 2012 | MCMC, Cyberjaya and Kota Kinabalu, Sabah |

Qualifications to sit for the test are as follow:

1. Age 18 and above on the test date; and
2. Holding a valid Class B (9W), Amateur Station Apparatus Assignment for at least one (1) year prior to the test date.

Qualified individuals are invited to sit for the test. Applications can be made via online or manually by submitting printed form. The online application can be done via MCMC's official website at www.skmm.gov.my or directly to URL <http://sems.skmm.gov.my>. Application form for manual application is available at MCMC's official website and all MCMC offices.

For manual application, please send duly completed forms together with the payment, a copy of your identification document (Identity Card, "Kad Kuasa" or Passport) and a copy of your Amateur Station Apparatus Assignment to the address as below:

Infrastructure Development and Standards Division
Malaysian Communications and Multimedia Commission
Off Persiaran Multimedia
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan

Please mark the top left corner of the envelope with the word '**CW 2012-2**'. The test fee is **Ringgit Malaysia Fifty (RM50.00)** and shall be paid in either **Postal Order or Bank Draft** made out in favour of '**SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA**' and must be enclosed with the application form. Payment received through other mode of payment will be rejected.

The numbers of seats for this test are limited. The application result will be published in MCMC's official website and through the post at least 7 days before the test date. Please contact **Puan Ida Khairuniah Idris (+603 86 88 82 65)** if you have any enquiry.